

05 NOV 2001
PUTRAJAYA-CF
TIADA LENGAH KELUAR CF, KATA PERBADANAN PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Perbadanan Putrajaya hari ini berkata bahawa tiada penangguhan dalam pengeluaran sijil layak menduduki (CF) bagi harta-harta kediaman di Putrajaya.

Pemaju-pemaju mungkin penyebab masalah itu, katanya menjawab dakwaan kononnya Perbadanan Putrajaya bertanggung jawab kepada kelambatan itu.

Pengerusi dan presidennya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata adalah tidak adil menyalahkan Perbadanan Putrajaya terutamanya apabila tidak ada tunggakan dalam CF yang dikeluarkan bagi rumah-rumah di ibu negeri pentadbiran baru itu.

Beliau menegaskan bahawa Perbadanan Putrajaya mampu mengeluarkan CF secepat mungkin dengan sesetengah kes dalam masa cuma dua minggu.

"Adalah tidak adil di pihak pemaju-pemaju mempesalahkan kami. Jika mereka mempunyai beberapa masalah dalam menyerahkan bangunan-bangunan itu, mereka tidak patut menggunakan ini (pengeluaran CF) sebagai alasan," beliau memberitahu pemberita selepas pembukaan Persidangan Majlis Asean mengenai Petroleum (ASCOPE) 2001 di sini hari ini.

Isu CF itu kali pertama dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang Sabut lalu menyatakan pandangan berat bahawa kakitangan awam tidak berpindah ke rumah mereka di Putrajaya wakalupun hakikat bahawa unit-unit kediaman mereka telah siap.

Bercakap semasa pembukaan hari keluarga Jabatan Perdana Menteri, Dr Mahathir telah menggesa pihak-pihak berkuasa berkenaan di Putrajaya supaya mempercepatkan pengeluaran CF bagi rumah-rumah berkenaan.

Azizan berkata beliau berkongsi perhatian berat Perdana Menteri itu apabila melihat bangunan-bangunan kediaman yang siap di Putrajaya tidak diduduki.

"Kami, Perbadanan telah menggesa agar sebaik sahaja bangunan-bangunan itu siap, mereka patut diduduki secepat mungkin supaya bilangan orang di Putrajaya cukup besar untuk menjadikannya sebuah bandaraya yang dinamik," tambah beliau.

Azizan juga berkata bahawa beliau akan menemui Dr Mahathir tidak lama lagi untuk menjelaskan kedudukan sebenar.

Pada ketika ini, terdapat 5,295 unit kediaman yang siap di Putrajaya mengandungi 25 log banglo, 310 rumah teres berangkai, 1,172 rumah teres dan 3,788 pangsapuri.

Azizan mengumumkan bahawa 4,854 daripada rumah yang siap telah dikeluarkan CF manakala bagi 400 unit siap, permohonan bagi CF tidak dikemukakan oleh lima pemaju unit-unit kediaman itu di Putrajaya.

Tambahnya bahawa 2,373 unit siap yang telah diberikan CF, tidak diduduki.

"Nampaknya ada beberapa masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju dalam menyerahkan unit-unit siap itu dengan CF kepada pembeli-pembeli. Perbadanan tidak boleh dipersalahkan bagi masalah penyerahan itu," katanya.

Kepada satu soalan, katanya daripada lima pemaju itu, tiga telah gagal menyerahkan rumah-rumah siap. Tetapi beliau enggan menyebut namanya.

Azizan juga berkata bahawa satu pemaju tertentu tidak membayar salah satu daripada kontraktor kecil dengan mendakwa bahawa pembayaran tidak boleh dibuat kerana CF tidak dikeluarkan.

"Pemaju itu menyalahkan orang lain pula," katanya. -- BERNAMA
MAD KTC OS